

Sistem pangkalan data bantu imarahkan masjid

Berita Harian (Kamantan) 3/9/22 (Sabtu) m/s: 11

Oleh Muhammad Sallehudin Md Yus
bhrencana@bh.com.my



Pegawai Hal
Ehwal Islam,
Pusat Islam dan
Pembangunan
Insan, Universiti
Malaysia Pahang
(UMP)

Institusi masjid dan surau perlu seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dalam mendekati hati masyarakat, iaitu dengan membangunkan pangkalan data komprehensif.

Pengumpulan data ahli kariah membolehkan kebajikan dan kesejahteraan warganya lebih terjaga, sekali gus mudah untuk didekati. Malah, dana disumbang orang ramai dapat ditunjukkan dengan telus, iaitu pihak ahli jawatankuasa (AJK) memanfaatkan sumber kewangan untuk tujuan sepatutnya.

Ia juga dapat menghapuskan tanggapan setengah orang yang menuduh pihak penguurusan masjid dan surau menyimpan sumbangan orang ramai untuk dibangga-banggakan. Oleh itu, aplikasi perlu dibangunkan agar ahli

kariah mudah mendapat akses dan maklumat berkaitan program dijalankan di masjid dan surau.

Malah, aplikasi itu juga boleh ditambah dengan ciri yang membolehkannya menjadi medium permohonan bantuan disediakan di masjid dan surau atau memerlukan institusi itu sebagai pihak penghubung.

Justeru, dengan program bantuan yang sering dijalankan masjid dan surau, ia akan membuka mata banyak pihak untuk menghulurkan bantuan dengan

menggunakan perantaraan institusi berkenaan.

Maklumat berkaitan perkhidmatan

Contohnya, golongan asnaf dapat mengetahui bantuan terkini disediakan masjid dan surau seperti baucar barang keperluan asas, permohonan zakat dan makanan percuma.

Antara data amat diperlukan dalam pembangunan sistem pangkalan ialah senarai anak kariah, fakir miskin dan anak yatim, warga emas serta senarai AJK yang boleh dikumpulkan dalam satu sistem agar mudah diselaraskan.

Sistem ini akan memudahkan pelbagai urusan berkenaan dengan masjid atau surau seperti pendaftaran perkahwinan, khairat kematian dan pembahagian sumbangan kepada asnaf.

Jika sistem ini dapat dijalankan secara efisien dan telus, masyarakat akan lebih mudah percaya kepada penguurusan, sekali gus membuang stigma bahawa masjid atau surau hanya khusus dan eksklusif kepada ahlinya sahaja.

Inisiatif yang boleh dicontohi ialah sistem al-Qariah digunakan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bagi merekodkan lebih 4,000 ahli kariah.

Dalam konteks masjid pula, Masjid Temerloh Jaya ditadbir AJK dipengerusikan Dr Abdullah Ismail dinobatkan sebagai Anugerah Masjid Malaysia pada

2020 kerana berjaya menjadikannya tempat berkumpul masyarakat setempat dengan pengimarah solat dan program kemasyarakatan.

Pelan strategik dirancang selama tiga tahun itu, membuahkan hasil apabila barisan saf jemaah solat fardu bertambah daripada dua kepada 15 saf. Tidak dinafikan sistem kariah masjid menjadi usaha terbaik demi memakmurkan masjid agar lebih dinamik.

Bagi masjid yang sudah membangunkan sistem pangkalan data pula, pemantauan perlu sentiasa dibuat secara berkala, dikemas kini dan dinaik taraf kerana jumlah data akan bertambah.

Naik taraf paparan dan kekemasan juga perlu diti-tikberatkan untuk memastikan sistem itu selari dengan kemajuan teknologi. Antara inisiatif boleh dibuat adalah bekerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk menambah baik pangkalan data.

Selain itu, pendedahan kepada masyarakat setempat terhadap kepentingan sistem pangkalan data boleh dibuat secara konsisten menerusi media sosial atau ketika solat Jumaat.

Hakikatnya, keperluan membangun dan memantau pangkalan data masjid serta surau sangat diperlukan untuk memastikan tidak ada ahli qariah terpinggir atau rasa dipinggirkan. Kekuatan institusi itu bukan terletak pada kuantiti atau seni bina, tetapi kualiti pentadbiran dan penguurusan masjid cekap serta telus melaksanakan amanah.